

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN
IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**
TARIKH : 11 JUN 2015
SOALAN :

YB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan satu blueprint untuk mereformasi sistem penjagaan kesihatan negara agar rakyat boleh menikmati perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan bertaraf dunia pada harga sangat berpatutan seperti yang disediakan di negara Cuba.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyambut baik cadangan-cadangan YB Tan Sri dan YB Dato' untuk mereformasi sistem penjagaan kesihatan negara serta mengembeling tenaga kesihatan sektor awam dan swasta demi kebaikan rakyat. Memandangkan sistem kesihatan negara adalah bersifat, dengan izin, *dichotomous*, adalah mustahak dan kritikal untuk mengkaji keseluruhan sistem dan bukan sahaja sektor awam dan meneliti unsur-unsur yang relevan kepada pembangunan sistem di Malaysia.

Buat masa ini, KKM baru memulakan satu kajian menyeluruh, yakni *Malaysia Health System Research* atau MHSR, untuk meneliti pelbagai aspek dari segi penyampaian dan kualiti perkhidmatan kesihatan, organisasi perkhidmatan kesihatan dan pembiayaan kesihatan. Kajian ini sedang dijalankan oleh kakitangan dan penyelidik KKM serta akademia dari universiti-universiti tempatan dengan kerjasama dari pakar kesihatan global Universiti Harvard.

Blueprint ini akan dibangunkan berasaskan bukti-bukti dan data hasil penyelidikan, dengan izin, *evidence-based transformation plan*. Selain menganalisa model-model sistem kesihatan di negara-negara lain. Seperti yang diperkenalkan negara Cuba dan banyak negara lain, KKM juga yakin penekanan terhadap aktiviti pencegahan penyakit amat penting dalam memastikan tahap kesihatan rakyat terjamin dan dapat mengurangkan perbelanjaan rawatan kesihatan yang tinggi di peringkat hospital.

Melalui transformasi sistem kesihatan ini, diharapkan satu sistem kesihatan yang sesuai untuk Malaysia dapat diwujudkan dan digunapakai supaya rakyat mendapat pilihan dan akses kepada perkhidmatan yang bermutu tinggi dan mampu diperolehi tidak kira sama ada di sektor awam mahupun sektor swasta.